

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ONG KA CHUAN**

**KAWASAN : TANJONG MALIM**

**TARIKH : 21 MEI 2015 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 9**

YB DATO' SERI ONG KA CHUAN [ TANJONG MALIM ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mengadakan program pembiayaan untuk membantu usahawan kecil dan sederhana dalam perusahaan mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada tahun 2015, MITI melalui Agensi-agensinya telah merancang untuk melaksanakan 51 program pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang melibatkan komitmen kewangan berjumlah

RM3.95 bilion bagi memberi manfaat kepada PKS menerusi 20,274 projek.

Daripada 51 program tersebut, 14 program melibatkan akses pembiayaan dengan jumlah komitmen kewangan berjumlah RM3.68 bilion. Program-program pembiayaan ini menawarkan skim pinjaman mudah, modal pusingan dan geran. Antara program tersebut adalah:

- i. Dana Ekuiti Bumiputera (EquiBumi) dan Dana Pinjaman Perusahaan Kecil dan Sederhana oleh SME Bank;
- ii. Skim Pinjaman Mudah untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (SLSME) oleh *Malaysian Industrial Development Finance Berhad* (MIDF); dan
- iii. Skim Pembiayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana Patuh Syariah (SSFS) di bawah kendalian SME Corporation Malaysia (SME Corp.).

Tuan Yang Di Pertua,

Selain itu, MITI melalui SME Bank turut menyediakan pelbagai dana khas untuk membantu PKS. Sepanjang 10 tahun beroperasi, SME Bank telah meluluskan pembiayaan berjumlah hampir RM22.5 bilion kepada kira-kira 13,350 pengusaha PKS. Pelbagai program pembiayaan dan khidmat nasihat diberikan kepada usahawan PKS di sepanjang rantai nilai, bermula daripada peringkat permulaan (start-up) sehingga ke pasaran eksport. Antara program-program yang ditawarkan adalah:

- i. Tabung Usahawan Siswazah (TUS) untuk usahawan graduan;
- ii. Tabung Usahawan Muda (YEF) bagi golongan belia;
- iii. Dana TERAS bagi usahawan Bumiputera yang tersenarai di bawah program TERAS kelolaan TERAJU;
- iv. Dana Pembangunan Halal bagi PKS yang ingin menceburi pasaran eksport; dan
- v. Program intervensi perniagaan (business intervention) yang berstruktur bagi mempertingkatkan prestasi syarikat yang berpotensi.

Tuan Yang Di Pertua,

Selain itu, Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) turut menyediakan pembiayaan kepada usahawan PKS di bawah empat skim iaitu:

- i. Skim Pinjaman Mudah bagi Enterpris Kecil dan Sederhana (SLSME) yang bertujuan untuk membantu PKS mengurangkan kos operasi supaya dapat bersaing dengan syarikat-syarikat yang lebih besar;
- ii. Skim Pinjaman Mudah bagi Automasi dan Modenisasi (SLSAM) yang ditawarkan kepada pengilang-pengilang tempatan bertujuan untuk membantu memoden dan mengautomasikan proses-proses pengeluaran, meningkatkan kemampuan dan kapasiti pengeluaran;

- iii. Skim Pinjaman Mudah bagi Peningkatan Kapasiti Sektor Perkhidmatan (SLSCD) ditawarkan dengan tujuan untuk meningkatkan aktiviti tambah nilai, produktiviti dan kecekapan syarikat-syarikat perkhidmatan; dan
- iv. Skim Pinjaman Mudah bagi Sektor Perkhidmatan (SLSSS) bagi membantu sektor perkhidmatan tempatan menghadapi kesan-kesan terbukaan pasaran atau liberalisasi pasaran.

Malaysian Investment Development Authority (MIDA) pula menawarkan pembiayaan Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) kepada syarikat tempatan untuk mengembangkan operasi dalam industri yang bernilai tambah dan menggunakan teknologi termaju. Industri-industri yang dibenarkan adalah industri aeroangkasa, farmaseutikal, elektronik termaju, peralatan perubatan, jentera & peralatan dan industri perkhidmatan.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada program-program pembiayaan tersebut, MITI dan Agensi-agensinya sentiasa komited untuk membantu usahawan PKS dalam perusahaan mereka.